

**NO. SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
[ SIPITANG ]**

**TARIKH : 7 APRIL 2015**

**RUJUKAN : 7616**

**SOALAN:**

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah diambil untuk meningkatkan tahap integriti Jabatan Imigresen Malaysia, khususnya dari segi Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk menentukan kredibiliti mereka tidak dipertikaikan, berikutan beberapa kes mengemparkan yang dilaporkan media.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman, Unit integriti di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah dinaik taraf menjadi Bahagian Integriti. Bahagian ini merangkumi satu unit iaitu Unit Tadbir Urus yang berfungsi sebagai unit yang mengkaji setiap *Standard Operation Procedures (SOP)* JIM, mengemaskini SOP-SOP tersebut disamping merangka SOP baru untuk meningkatkan tahap integriti JIM secara berterusan.**

**Pematuhan kepada *Standard ISO* dalam setiap proses kerja di dalam JIM adalah sentiasa dipatuhi dan akan sentiasa dibuat penambahbaikan melalui pengauditan Jabatan bagi memastikan tahap integriti dan urusan oleh anggota JIM dilaksanakan dalam keadaan yang mudah, cepat dan berintegriti.**